

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1993**

1. TUJUAN

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

2. LATARBELAKANG

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti- aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.

2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan fatwa hasil dari pertanyaan orang ramai.

2.3. Maka hasil perbincangan, jawatankuasa ini telah banyak membuat keputusan bagi menjawab persoalan tersebut.

2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1991 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapatkan kebenaran untuk mewartakan dalam Warta Kerajaan.

3. AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang dinyatakan di bawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1993. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

- | | |
|--|----------------------|
| 1. SS Dato' Haji Ishak bin Baharom
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. | - Pengerusi |
| 2. Tuan Haji Jamauddin bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor | - Timbalan Pengerusi |
| 3. YB Tuan penasihat Undang-Undang | - Ahli |
| 4. Prof Madya Hj. Hashim bin Yahya
Pensyarah Fakulti Syariah,
Akademi Islam. Universiti Malaya | - Ahli |
| 5. Tuan Hj. Hassan bin Hj. Ahmad
Pensyarah Fakulti Syariah,
Akademi Islam, Universiti Malaya | - Ahli |
| 6. Tuan Hj. Ahmad Dahlan bin Hj. Abd. Manan
Penceramah bebas | - Ahli |
| 7. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Yusuf
Imam Masjid Negeri Selangor | - Ahli |
| 6. Tuan Hj. Jaafar bin Hj. Noh
Penceramah bebas | - Ahli |

Setiausaha/Urusetia

Mulai tahun 1985 Urusetia bagi Jawatankuasa ini diletakkan di bawah bidang tugas Bahagian Penyelidikan, maka Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan akan menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa ini. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut :

1. Tuan Haji Turmudi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haji Khairuddin bin Haji Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

4. **KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT**

TAHUN 1993

1. Penglibatan Orang Islam Dalam jualbeli saham.
2. Menetapkan kadar zakat fitrah bagi tahun 1413/1993 bagi Negeri Selangor.
3. Mengenai pernikahan antara menantu dengan ibu mertua tiri.
4. Panggilan DYMM untuk Sultan Selangor dan lagu negeri Selangor.
5. Mengenai tempat letak kereta tingkat bawah, Masjid Negeri Selangor
6. Hukum wang polisi insuran nyawa
7. Fatwa mengenai Allahyarham Siti Khadijah bte Abdullah (Orang Asli beragama Islam) telah meninggal dunia.
8. Hukum wang dividen dan bonus
9. Fatwa mengenai pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan.
10. Fatwa mengenai adat istiadat Negeri Selangor.
11. Fatwa mengenai pernikahan Noranizah bte Mohd Yusof (lelaki yang telah bertukar jantina kepada perempuan) dengan Richard bin Badry (lelaki tulen)
12. Fatwa mengenai perkahwinan Mak Nyah dengan lelaki.
13. Fatwa mengenai hukuman menukar jantina Mak Nyah.
14. Fatwa mengenai Tarikat Tujuh (Martabat Tujuh) yang dibawa oleh Hamzah Embi.
15. Fatwa mengenai wang Koperasi Serbaguna PEGEMAS Berhad dan bayaran/mengeluarkan zakat.
16. Fatwa mengenai Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.
17. Fatwa mengenai Tarikat Naksabandiyah - Hj. Kadirun Yahya.

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam untuk makluman dan memohon kebenaran mewartakan keputusan ini dalam warta Kerajaan.

Sekian. terima kasih

Disediakan oleh,

Bahagian Penyelidikan,

Urusetia

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa)

Negeri Selangor Darul Ehsan

TAHUN 1993

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	Penglibatan Orang Islam Dalam jualbeli saham	6
2.	Menetapkan kadar zakat fitrah bagi tahun 1413/1993 bagi Negeri Selangor	7
3.	Mengenai pernikahan antara menantu dengan ibu mertua tiri.	9
4.	Panggilan DYMM untuk Sultan Selangor dan lagu negeri Selangor.	13
5.	Mengenai tempat letak kereta tingkat bawah, Masjid Negeri Selangor	15
6.	Hukum wang polisi insuran nyawa	17
7.	Fatwa mengenai Allahyarham Siti Khadijah bte Abdullah (Orang Asli beragama Islam) telah meninggal dunia.	20
8.	Hukum wang dividen dan bonus	22
9.	Fatwa mengenai pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan.	24
10.	Fatwa mengenai adat istiadat Negeri Selangor.	26
11.	Fatwa mengenai pernikahan Koranizah bte Mohd Yusof (lelaki yang telah bertukar jantina kepada perempuan) dengan Richard bin Badry (lelaki tulin)	28
12.	Fatwa mengenai perkahwinan Mak Nyah dengan lelaki.	30
13.	Fatwa mengenai hukurn menukar jantina Mak Nyah.	32
14.	Fatwa mengenai Tarikat Tujuh (martabat Tujuh) Yang dibawa oleh Hamzah Embi.	33
15.	Fatwa mengenai wang Koperasi Serbaguna PEGEMAS Berhad dan bayaran/mengeluarkan zakat.	35
16.	Fatwa mengenai Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.	37
17.	Fatwa mengenai Tarikat Naksabandiyah - Hj. Kadirun Yahya.	54

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM JUALBELI SAHAM**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dimaklumkan bahawa ramai orang Islam yang melibatkan diri dalam jualbeli saham.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan penuh teliti dan panjang lebar dan mengambil keputusan seperti berikut :

2.2. " Bahawa pada prinsipnya, orang Islam boleh melibatkan diri dalam jualbeli saham, kerana ia tidak bercanggah dengan syarat jualbeli dalam Islam, walau bagaimana pun pelaburan atau perniagaan syarikat saham tersebut adalah daripada barangan yang halal."

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 26 Rejab 1413 Hijrah bersamaan 19 Januari 1993 Masihi.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1413H/1993M**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah menerima cadangan daripada Bhg Baitulmal/ Zakat bagi mendapatkan pengesahan fatwa mengenai penetapan harga fitrah bagi tahun 1413H/1993M.

Zakat fitrah yang ditetapkan mengikut sukatan beras yang diwajibkan mengikut hukum syara' iaitu seberat 3 kati 16 tahlil atau 2.27 Kilogram.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

"Bahawa Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya telah mengambil keputusan bahawa zakat fitrah bagi tahun ini (1413H/1993M) mengikut harga beras yang ditetapkan adalah daripada gred A1 (Super -paling panjang) berat 3 kati 12 tahlil atau 2.27 kilogram atau dengan wang sebanyak RM 2.50".

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 19 Januari 1993 bersamaan 26 Rejab 1413.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERNIKAHAN ANTARA MENANTU DENGAN IBU MERTUA TIRI**

1. TAJUK PERSOALAN

Pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah menerima pengaduan daripada wakil jemaah Surau Kg. Pekan, Simpang Lima, Sungai Besar mengenai seorang ahli qaryah tersebut telah bernikah dengan ibu mertua tirinya.

Aduan ini dipanjangkan ke Bahagian Fatwa untuk mendapatkan keputusan Fatwa samada sah atau tidak pernikahan mereka berdua. Pernikahan tersebut melibatkan En. Mohidin bin Abd. Samad (Menantu) dengan Puan Arbaatun bte Hj. Maamun (Ibu Mertua tiri yang telah bernikah pada 29 November 1991 dan dinaikahkan oleh AF Tuan Kadi Sungai Besar).

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

"Bahawa pernikahan di antara En. Mohidin bin Abd. Samad (Menantu) dengan Puan Arbaatun bte Hj. Maamun adalah sah, kerana ia tidak ada hubungan nasab keturunan atau ikatan perkahwinan yang diharamkan mengikut hukum Syara' dalilnya adalah :

Maksudnya :

Diharamkan kepada kamu berkahwin (perempuan-perempuan yang berikut), ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan saudara-saudara bapa kamu dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki dan anak-anak saudara kamu yang perempuan dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara sesusuan kamu dan ibu-ibu isteri

kamu dan anak-anak tiri yang dalam peliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri, tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya), dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu, dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu, sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi, dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaja yang kamu membelinya, (diharamkan segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu, dan (sebaliknya), dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain dari yang tersebut itu" .

Daripada ayat yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa tidak ada larangan perkahwinan (pernikahan) emak mertua tiri itu diharamkan dalam Islam.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 26 Rejab 1413 Hijrah bersamaan 19 Januari 1993

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PANGGILAN DYMM UNTUK SULTAN SELANGOR DAN LAGU NEGERI SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Pertanyaan ini diterima daripada Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB Menteri Besar Selangor yang ingin mendapatkan pandangan dan ulasan mengenai perkara tersebut, kerana dirasakan tidak sesuai lagi dengan perkembangan yang berlaku pada masa ini dan juga bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan rakyat.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dari segala aspek khususnya dari segi agama dan kesimpulannya adalah seperti berikut :

"Bahawa ucapan dalam ayat Duli Yang Maha Mulia adalah tidak sesuai diucapkan oleh seseorang, kerana ia menyamai dengan sifat Allah.

Oleh kerana perkara ini melibatkan Negeri-negeri lain yang mempunyai raja, maka Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' berpendapat adalah lebih baik dibincangkan di dalam Majlis Fatwa Kebangsaan supaya tindakan yang sama dapat diselaraskan kepada semua Negeri.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan dengan 16 Februari 1993

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
TEMPAT LETAK KERETA TINGKAT BAWAH, MASJID NEGERI SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Pihak Jabatan Agama Islam Selangor dan Masjid Negeri Selangor telah menerima banyak pertanyaan mengenai kedudukan tempat letak kereta Masjid Negeri (Tingkat bawah) berkenaan hukumnya diiktiraf sebagai Masjid atau tidak dan adakah sah untuk beriktikaf.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai permasalahan tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan memutuskan bahawa perkara ini perlulah dirujuk kepada DYMM Sultan Selangor, sebagai ketua agama di Negeri Selangor.
- 2.2. Merujuk kepada surat daripada Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Selangor dalam bilangan (25) dlm Pej. DYMM Sul. Sel 11/78 Bhg V bertarikh 5 Februari 1993 mengatakan bahawa tempat letak kereta tingkat bawah Bangunan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) adalah sebagai Masjid dan sah untuk beriktikaf,
- 2.3. Oleh itu. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (fatwa) memutuskan bahawa tempat letak kereta tingkat bawah Bangunan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) di kira sebagai Masjid dan sah untuk beriktikaf.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan 16 Febuari 1993 Masihi .

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM WANG POLISI INSURAN NYAWA**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Puan Hadifah bte Mohd Isa daripada Estet Pulau Carey, Pelabuhan Klang, yang bertanyakan fatwa berkenaan dengan perkara di bawah iaitu :

1. Adakah Halal atau Haram memakan wang daripada insuran nyawa seperti koperasi insuran MCIS dan bolehkah wang itu digunakan untuk upah Haji simati.
2. Adakah wang insuran di atas di kira pesaka (sekiranya pemegang polisi itu meninggal dunia)
3. Bapa Saudara saya telah meninggal dunia dan meninggalkan sedikit wang dan wang itu dilantik saya sebagai penamanya sedangkan beliau masih ada adik beradik lagi, bolehkah saya ambil wang itu jadi hak saya seorang sahaja.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

2.1.1. Adakah Halal atau Haram memakan wang daripada insuran nyawa seperti koperasi insuran MCIS dan bolehkah wang itu digunakan untuk upah Haji simati.

Keputusannya :

Hukum memakan wang daripada insuran nyawa seperti insuran MCIS adalah HARAM dan tidak boleh juga digunakan untuk mengupah kepada haji simati kerana koperasi insuran tersebut mengamalkan kegiatan yang bertentangan dengan hukum syara'.

2.1.2. Adakah wang insuran di atas di kira pesaka (sekiranya pemegang polisi itu meninggal dunia)

Keputusannya :

Wang yang didapati daripada insuran di atas setelah pemegang polisi itu meninggal dunia hukumnya adalah tidak menjadi harta pesaka, kecuali wang pendahuluan atau wang yang dibayar oleh simati pada tiap-tiap bulan itu.

2. 1. 3. Bapa Saudara saya telah meninggal dunia dan meninggalkan sedikit wang dan wang itu dilantik saya sebagai penamanya sedangkan beliau masih ada adik beradik lagi, bolehkah saya ambil wang itu jadi hak saya seorang sahaja.

Keputusannya

Jika sekiranya penama itu seorang ahli waris simati, maka harta simati itu hendaklah dibahagi mengikut kiraan faraid dan jika penama itu bukan ahli waris, maka ia mendapat 1/3 (sepertiga) iaitu sebagai wasiat simati.

Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (fatwa) ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413H bersamaan 16 Febuari 1993M.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ALLAHYARHAM SITI KHADIJAH BT ABDULLAH
(ORANG ASLI BERAGAMA ISLAM) TELAH MENINGGAL DUNIA**

1. TAJUK PERSOALAN

Siti Khadijah bte Abdullah telah meninggal dunia pada 24/12/1992 di Kampong Orang Asli, Pulau Lumut kerana sakit lelah dan batuk, Mayat tersebut diselenggarakan mengikut adat istiadat Orang Asli dan ditanam di tanah perkuburan Orang Asli, Pulau Lumut, sehari, selepas simati dikebumikan, suami simati telah melapurkan kepada guru Sekolah Kebangsaan Pulau Lumut (Cikgu Suhaidi bin Sujak) bahawa simati beragama Islam. Simati memeluk agama Islam pada 16/9/1939 dengan nombor pendaftaran 165/39 fail rujukan 25/39 dan didaftarkan di Pejabat Agama Islam dan adat istiadat Melayu Perak. Kemudian dilapurkan pula kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor dan seterusnya dimaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor untuk apa-apa tindakan yang perlu.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti berpandukan laporan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam mengambil keputusan.

Keputusannya adalah seperti berikut :

" Bahawa Mayat simati Siti Khadijah bte Abdullah yang beragama Islam telah meninggal dunia pada 24/12/1992 dan dikuburkan di tanah perkuburan orang bukan Islam mengikut adat istiadat Orang Asli, adalah tidak perlu lagi dipindahkan ke tanah perkuburan Orang Islam, disembahyangkan dan di kafankan kerana mayat tersebut telah hancur dan perbuatan mereka yang menguburkan tidak disengajakan dan tidak tahu hukum Islam.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan 16 Febuari 1993

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM WANG DIVIDEN DAN BONUS ASB**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) Negeri Selangor telah menerima surat daripada seorang hamba Allah daripada Tanjung Malim yang bertanyakan berkenaan dengan hukum wang dividen dan bonus ASB dengan soalan seperti berikut :

- 1.1. Adakah wajib dikeluarkan zakat daripada wang bonus dan dividen ASB.
- 1.2. Bolehkah wang tersebut digunakan bagi menunaikan Fardhu Haji Ke Tanah Suci Mekah.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai permasalahan tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan panjang lebar dan mengambil keputusan seperti berikut :

- 2.1.1. Zakat Daripada Wang Bonus Dan Dividen ASB

Keputusannya :

" Wang bonus dan dividen yang diterima daripada hasil pelaburan ASB adalah tidak diwajibkan zakat kerana pelaburan bercanggah dengan hukum syara' "

- 2.1.2. Bolehkah wang digunakan pergi menunaikan Haji ke Tanah Suci Mekah

Keputusannya

" Ahli Jawatankuasa yang hadir bersetuju memberi pandangan bahawa oleh kerana pelaburan ASB pada masa ini, terdapat pelaburan di tempat-tempat yang bercanggah dengan hukum syara', maka ia tidak

diharuskan sehingga pihak ASB membersihkan dan tempat-tempat tersebut.

Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara'(Fatwa) yang hadir bersetuju memberi pandangan bahawa. oleh kerana pelaburan ASB pada masa ini terdapat pelaburan di tempat-tempat yang bercanggah dengan hukum syara'. maka ia tidak diharuskan sehingga pihak ASB membersihkan dari tempat-tempat tersebut.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan 16 Februari 1993 Masihi .

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERTUKARAN JANTINA DARIPADA LELAKI KEPADA PEREMPUAN**

1. TAJUK PERSOALAN

Seorang yang bernama Aminuddin bin Abdul Aziz, tinggal di Taman Seri Muda, Shah Alam telah menukarkan jantina daripada lelaki kepada perempuan pada 17/11/1990 di Bangkok dan menukar nama kepada Norhanim Hj. Abdul Aziz, penukaran nama ini telah diakui oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Sebab-sebab pertukaran itu mengikut beliau kerana terdapat sifat sifat kewanitaan yang sangat kuat pada dirinya kepada seorang perempuan dan jika mendapat pengiktirafan Majlis Fatwa di atas pertukaran tersebut ia akan bernikah dengan seorang lelaki.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam, Keputusannya adalah seperti berikut :

" Semua ahli Jawatankuasa mengambil bahagian bagi membincangkan perkara di atas dan membincangkan dari segala aspek, bahawa penukaran jantina daripada lelaki kepada wanita adalah HARAM dan permohonan untuk bernikah tidak dapat diberi kebenaran, walaupun telah berubah dari segi fizikalnya dengan melalui pembedahan sebagaimana yang beliau dakwa, ini kerana seorang yang asalnya lelaki telah dijadikan oleh Allah tidak akan berubah dari sifat-sifat kelelakiannya, walaupun ia cuba berusaha mengubahnya".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Ramadhan 1413 Hijrah bersamaan 16 March 1993,

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ADAT ISTIADAT NEGERI SELANGOR**

1 . TAJUK PERSOALAN

Kerajaan Negeri Selangor. semasa melaksanakan aturcara-aturcara perayaan ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah mengadakan beberapa acara seperti berikut:

1. Paluan kompong
2. Pertunjukkan silat
3. Menaikkan bendera peribadi Sultan
4. Perarakan bunga manggar
5. Taburan bunga rampai
6. Pertunjukkan kebudayaan
 - Nyanyian berkumpulan solo dan tarian-tarian Melayu, Cina, India dan Orang Asli
7. Mengangkat sembah.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

2.1.1. Paluan kompong.

Dibolehkan dalam Islam dengan syarat tidak bercampur lelaki dan perempuan

2.1.2. pertunjukan silat

Dibolehkan dalam Islam dengan syarat tidak bercampur lelaki dan perempuan. tetapi jika pesilat itu wanita. maka tidak harus bagi lelaki menuntunnya.

2.1.3. **Menaikkan bendera peribadi sultan**

Diharuskan dalam Islam

2.1.4. **Perarakan bunga manggar** } - Tidak Diharuskan

2.1.5. **Taburan bungan rampai** } Dalam Islam

2.1.6. **pertunjukan Kebudayaan** }

1. **Nyanyian berkumpul** } Hukumnya haram

solo dan } kerana bertentangan

2. **Tarian-tarian Melayu** } dengan hukum Syarak

Cina, India dan orang Asli }

2.1.7. **Mengangkat Sembah**

Majlis Fatwa Selangor mengambil keputusan bersetuju dengan Fatwa Kebangsaan iaitu memadai dengan tunduk hormat (badan tengkuk dan kepala sahaja yang ditundukkan)

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Ramadhan 1413 Hijrah bersamaan 16 March 1993.

**KEPUTUSAN JAWATANKUJASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERNIKAHAN NORANIZAH BT MOHD YUSUF DENGAN RICHAND BIN BADRY**

1. TAJUK PERSOALAN

Negeri Selangor telah digemparkan dengan peristiwa pernikahan seorang lelaki yang telah bertukar jantina dan menukar nama dengan nama Noranizah bte Mohd Yusuf dengan seorang lelaki tulen Richand bin Badry yang telah diadakan pernikahan pada 22 Februari 1993 bertempat di Pejabat Agama Islam Gombak Barat.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

" Dengan ini, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada 24 Zulhijjah 1413H bersamaan 15 Jun 1993 telah membincangkan dengan panjang lebar. Setelah meneliti ke atas siasatan dan laporan mengenainya dan juga taklimat oleh Prof Dato' Dr. Khairuddin bin Yusuf yang membuat pembedahan ke atadnya dengan sebulat suara ahli yang hadir bersetuju bahawa pernikahan Noranizah bte Mohd Yusuf dengan Richand bin Badry adalah tidak sah dan penukaran jantina Noranizah adalah HARAM.

ALASANNYA bahawa Noranizah adalah berasal daripada seorang lelaki yang mempunyai satu alat jantina sahaja yang bersifat sebagai Transeksual (mempunyai perasaan perempuan tetapi fizikalnya adalah seorang lelaki) . Beliau juga tidak mempunyai sifat-sifat kewanitaan yang lain seperti tidak ada haid dan tidak ada rahim.

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) juga membuat keputusan supaya Noranizah difaraskan/ dipisahkan pernikahannya dengan Richard bin Badry kerana tidak sah seperti yang disebutkan di atas dengan segera.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 Hijrah bersamaan 15 Jun 1993.

Keputusan fatwa ini telah dibentangkan di mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor pada 22 Jun 1993. Diarahkan oleh DYMM Sultan Selangor supaya di terbitkan di dalam Warta Kerajaan mengikut seksyen 31 (1) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 2/89.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERKAHWINAN MAK NYAH DENGAN LELAKI**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) semasa membincangkan pernikahan antara Noranizah bte Mohd Yusuf dengan Richard bin Badry, telah juga membincangkan masalah Hukum perkahwinan mak nyah dengan lelaki.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam.

2.2. Perkahwinan mak nyah selepas ditukar jantina kepada perempuan adalah tidak sah. kerana ia pada hakikatnya adalah lelaki, di antara syarat-syarat sah kahwin mestilah keadaan isteri itu perempuan secara yakin.

Perkahwinan mak nyah dengan lelaki di kira haram. Kerana bertentangan dengan syariat Islam dan bid'ah Sabda Rasulullah S.A.W.

• اياكم ومحدثات الا مورفان كل بدعة ضلالة

Dan hendaklah kamu jauhkan dari perkara rekaan. kerana tiap tiap perkara yang diada-adakan/ direka itu adalaah sesat.

• رواه ابوداود والترمذى وقال حديث حسن صحيح

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 Hijrah bersamaan 15 Jun 1993.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MENUKAR JANTINA MAK NYAH**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' semasa membincangkan pernikahan antara Noranizah bte Mohd Yusuf dengan Richard bin Badry, telah juga membincangkan masalah hukum menukar jantina mak nyah.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam.
- 2.2. Penukaran jantina mak nyah kepada perempuan melalui pembedahan adalah terang bertentangan dengan Islam kerana Allah melarang mengubahkan kejadiannya. sepertimana Firman Allah Taala di dalam surah An-Nisa' ayat 119.

﴿ وَلَا مَرْنَهُمْ فَلْيَغْيِرْنَ خَلْقَ اللَّهِ ﴾

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 Hijrah bersamaan 15 Jun 1993

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
TARIKAT TUJUH (MARTABAT TUJUH) YANG DIBAWA OLEH HAMZAH BIN EMBI**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk mengkaji berkenaan dengan aduan berkenaan dengan ajaran salah yang dibawa oleh Hamzah bin Embi yang dikenali dengan tarikat tujuh (martabat tujuh).

Maka pada 24 Zulhijjah 1413 bersamaan dengan 15 Jun 1993 Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah bersidang untuk mengeluarkan fatwa.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

**"Bahawa dengan ini Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada Hari Selasa, 24 Zulhijjah 1413H bersamaan dengan 15 Jun 1993 telah membincangkan dengan panjang lebar hasil siasatan tariqat tersebut sebulat suara ahli yang hadir bersetuju :
bahawa ajaran Tariqat Tujuh yang dibawa oleh Hamzah bin Embi dan pengikutnya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan pengajaran ilmu tauhidnya juga bercanggah dengan ilmu tauhid ahli Sunnah Wal-Jamaah.**

Alasannya ialah :

- i. Guru Tariqat (Hamzah bin Embi) mengakui telah mendapat beberapa keistimewaan dari Allah dan boleh melihat alam ghaib (Kasyab).
- ii. Membaca dua kalimah syahadah semasa bai'ah tidak boleh putus, jika putus bererti memisahkan zat Muhammad dengan zat Allah kerana zat Allah dan Muhammad itu satu.
- iii. Dalam zikir yang keenam selawatnya sangat meragukan di mana zat Muhammad disamakan sifat ketuhanan.
- iv. Membuat rajah-rajah kajian ilmu tauhid yang tidak ada dalam penafsiran para Ulama' tauhid ahli sunnah Wal Jamaah

- v. Guru tariqat (Hamzah bin Embi tidak menunaikan sembahyang Jumaat kerana beranggapan dirinya lebih tinggi martabatnya daripada imam yang ada.
- vi. Tempat bersuluk tidak boleh dikosongkan (ada penunggu) mereka boleh dikecualikan sembahyang Jumaat.

Oleh itu sesiapa yang mempelajari dan mengamalkan hendaklah ditinggalkan dan bertaubat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 bersamaan 15 Jun 1993.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
WANG KOPERASI SERBAGUNA PEGEMAS BERHAD DAN
BAYARAN / MENGELUARKAN ZAKAT**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima surat daripada Tuan Haji Baharain bin Mohd Lazim, Setiausaha Kehormat Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad bertarikh 9 Mac 1993 yang mengemukakan permasalahan berkenaan dengan :

1. Wang Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad
2. Bayaran/Mengeluarkan Zakat

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang muktabar dan mengambil keputusan seperti berikut :

" Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan yang diadakan pada 26 Rabiul Akhir 1414 bersamaan 12 Oktober 1993 setelah mendengar taklimat/ penerangan yang diberikan oleh pengerusinya: Tuan Haji Zainal bin Sidek dan dibantu oleh Setiausaha Kehormat: Tuan Haji Baharain bin Mohd Lazim mengenai perkara di atas,

maka Jawatankuasa (ahli yang hadir) menimbang dengan sewajarnya bahawa harta dan wang yang dipunyai oleh "Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor" dahulu yang dipindah kepada "Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad" adalah sah dan halal digunakan kerana harta dan wang itu diperolehi daripada yuran-yuran ahli-ahli persatuan dan derma kebajikan sahaja.

Mengenai pengeluaran zakatnya, berdasarkan kepada keterangan yang diberikan dan juga hukum syara', apabila harta itu cukup syarat dan rukunnya, maka ia wajib dikeluarkan zakatnya, oleh itu koperasi ini tidak terkecuali daripada mengeluarkan zakatnya, mengikut zakat harta iaitu dengan 2.5 peratus.

Sehubungan dengan itu juga, Jawatankuasa ini ingin menasihatkan supaya peraturan/ undang-undang koperasi diubah sesuai mengikut hukum syarak, terutamanya dalam masalah penama kepada ahli atau harta pesaka "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir di persidangannya bertarikh 26 Rabiul Akhir 1414H bersamaan 12 Oktober 1993M bertempat di Bilik Gerakan, Jabatan Agama Islam Selangor.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
FATWA SISTEM AGIHAN ZAKAT**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima permintaan supaya dibincangkan mengenai sistem agihan zakat yang merangkumi mengenai takrif serta pembahagiannya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Hasil daripada kajian tersebut, satu sistem Agihan Zakat yang terkini mengikut Hukum Syara' (Fatwa) telah diputuskan seperti berikut :

- 3.1.1. Asnaf Yang Berhak Menerima Agihan Zakat Menurut Al-Quran
- 3.1. 2. Asnaf Yang Berhak Menerima Agihan Zakat Di Selangor
- 3.1.3. Hukum Agihan Zakat
- 3.1.4. Sistem Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir
- 3.1.5. Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Miskin
- 3.1.6. Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Amil.
- 3.1.7. Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Muallaf.
- 3.1.3. Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Gharim.
- 3.1.9. Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Fisabilillah.
- 3.1.10.Sistem Agihan Zakat Kepada Asnaf Ibni Sabil.

2.2. Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor mengenai Sistem Agihan Zakat ini boleh dikaji semula pada tahun-tahun yang akan datang sekiranya didapati Sistem Agihan ini perlu dikaji semula.

ASNAF YANG BERHAK MENERIMA AGIHAN ZAKAT MENURUT AL QURAN

Di dalam Al Quran Allah S.W.T. telah memfardhukan bahawa hasil pungutan zakat itu hendaklah diagihkan kepada 8 Asnaf seperti dibawah ini:

- | | |
|------------------------|----------------------|
| 1. <i>Fakir</i> | 2. <i>Miskin</i> |
| 3. <i>Amil</i> | 4. <i>Muallaf</i> |
| 5. <i>Riqab</i> | 6. <i>Gharim</i> |
| 7. <i>Fisabilillah</i> | 8. <i>Ibnu Sabil</i> |

(Rujuk : Ayat 60 dalam Surah Taubah Juzuk 10)

ASNAF YANG BERHAK MENERIMA AGIHAN ZAKAT DI SELANGOR

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri selangor telah sepakat bahawa asnaf atau kumpulan-kumpulan yang berhak menerima agihan zakat di Negeri Selangor hanya ada Tujuh asnaf sahaja seperti di bawah Ini :

- | | |
|------------------------|-------------------|
| 1. <i>Fakir</i> | 2. <i>Miskin</i> |
| 3. <i>Amil</i> | 4. <i>Muallaf</i> |
| 5. <i>Riqab</i> | 6. <i>Gharim</i> |
| 7. <i>Fisabilillah</i> | |

Manakala asnaf ***Riqab*** tiada terdapat di Selangor dan Agihan Asnaf tersebut hendaklah diagihkan kepada Asnaf yang ada.

(Rujuk : *Majmuk juzuk keenam*, muka surat 185.

lqnak juzuk pertama, muka surat 200,

Bajuri juzuk pertama, muka surat 284 dan

Fiqhu Zakah juzuk kedua- muka surat 686).

HUKUM AGIHAN ZAKAT

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah memutuskan bahawa:

- a) Semua hasil pungutan zakat dalam Negeri Selangor **wajib** diagih- agihkan kepada asnaf-asnaf yang ada dalam Negeri Selangor seperti dalam muka surat
(Rujuk : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2* muka surat 686, *Majmuk juzuk 6* muka surat 185. *Iqnak juzuk pertama* muka surat 200 dan *Bajuri juzuk pertama* muka surat 284).
- b) **Tidak wajib** disamakan pengagihan zakat di antara satu asnaf dengan asnaf yang lain.
(Rujuk : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2* muka surat 692).
- c) **Tidak wajib** disamakan pengagihan zakat di antara seseorang dengan yang lain dalam satu-satu asnaf.
(Rujuk : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2* muka surat 693).
- d) Majlis Agama Islam Selangor(MAIS) atau bagi pihaknya boleh menentukan kadar agihan antara satu asnaf dengan asnaf yang lain dan begitu juga antara seseorang dengan yang lain dalam tiap-tiap asnaf.
- e) Permohonan bantuan yang tidak termasuk jenis-jenis agihan dalam mana-mana asnaf zakat bolehlah diberi dari peruntukan wang Baitulmal atau wang kerajaan.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR

Takrif Fakir:

Iaitu orang Islam yang tidak mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang boleh memenuhi keperluan diri dan tanggungannya (jika perempuan tidak mempunyai suami. bapa dan datuk hingga ke atas atau anak dan cucu ke bawah yang wajib memberi nafkah kepadanya dari segi hukum syarak) dan tidak mempunyai makanan pakaian dan tempat tinggal yang mencukupi.

(Rujuk : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2*. muka surat 547)

CIRI -CIRI PENDAPATAN FAKIR	
DALAM BANDAR	LUAR BANDAR
Pendapatan kurang daripada RM 200.00 sebulan atau RM 33.00 sekepala	Pendapatan kurang daripada RM 180.00 sebulan atau RM 30.00 sekepala

CIRI-CIRI FIZIKAL FAKIR DALAM DAN LUAR BANDAR
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada harta atau pekerjaan. 2. Tua, uzur dan sebatang kara. 3. Cacat. tiada berupaya menyara hidup. 4. Janda yang hilang tempat bergantung. 5. Tidak mampu menanggung keperluan hidup. 6. Tinggal menumpang di rumah saudara, setingan atau di atas tanah kerajaan. 7. Tidak mendapat bantuan yang mencukupi dari mana-mana pihak.

- Contohnya seseorang yang memerlukan RM 10.00 sehari tetapi hanya memperolehi RM 4.00 sahaja sehari.

CIRI -CIRI TANGGUNGAN FAKIR DALAM DAN LUAR BANDAR
<ol style="list-style-type: none"> 1. Asas pengiraan mengambil kira enam orang tanggungan (yang belum bekerja) oleh ketua keluarga.

KEPERLUAN ASAS BULANAN FAKIR			
DALAM BANDAR		LUAR BANDAR	
1.	Rumah kediaman	- RM 100.00	1. Rumah kediaman - RM 50.00
2.	Makanan	- RM 200.00	2. Makanan - RM 200.00
3.	Pakaian	- RM 50.00	3. Pakaian - RM 50.00
4.	Pelajaran	- RM 50.00	4. Pelajaran - RM 50.00
5.	Perubatan	- RM 20.00	5. Perubatan - RM 20.00
	JUMLAH	= <u>RM 420.00</u>	JUMLAH = <u>RM 370.00</u>

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Agihan Tahunan sebelum Hari Raya Puasa.	1.1. Wang tunai
2. Agihan Bulan	2.1. Bentuk barang-barang makanan
3. Agihan Bantuan Perubatan	3.1. Bayar bil-bil rawatan
4. Agihan Bantuan Pertanian	4.1. Bayar sewa tanah/ sawah
5. Agihan Bantuan Perniagaan	5.1. Modal perniagaan
	5.2. Tempat perniagaan spt kereta sorong
	5.3. Kemahiran seperti bengkel
6. Agihan Bantuan Pelajaran diberi kepada kanak-kanak yang ibubapanya atau penjaganya termasuk dalam asnaf fakir	6.1. Yuran Sekolah Rendah,
	6.2. Bayaran peperiksaan PMR, SPM, STPM, SRA, SPA
	6.3. Bantuan pakaian dan peralatan Sekolah

peringatan: Orang yang tidak menepati ciri-ciri fakir seperti di atas tidak berhak menerima agihan asnaf ini.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF MISKIN

Takrif Miskin :

- * Iaitu orang Islam yang mempunyai harta atau pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi.*

(Rujuk *Fiqhu Zakah* juzuk 2, muka surat 547-548)

CIRI -CIRI PENDAPATAN MISKIN			
DALAM BANDAR		LUAR BANDAR	
1.	Pendapatan antara RM 201.00 hingga RM 336.00 sebulan atau RM 56.00 sekepala.	1.	Pendapatan antara RM 181.00 hingga RM 296.00 sebulan atau RM 49.00 sekepala.

CIRI-CIRI FIZIKAL MISKIN DALAM DAN LUAR BANDAR	
1.	Ada pekerjaan atau harta tetapi tidak mencukupi keperluan asasi diri dan tanggungnya.
2.	Suri rumah yang hilang tempat bergantung spt : 2.1. Ditinggalkan suami tanpa cerai 2.2. Menunggu keputusan perceraian 2.3. Suami dipenjara / di pusat serenti 2.4. Suami hilang upaya bekerja
3.	Tinggal menumpang di rumah saudara, setingan atau diatas tanah kerajaan.
4.	Tidak mendapat bantuan yang mencukupi dari mana-mana pihak

- * Contohnya seseorang yang memerlukan RM 10.00 sehari tetapi hanya memperoleh RM 8.00 sahaja sehari.

CIRI -CIRI TANGGUNGAN MISKIN DALAM DAN LUAR BANDAR	
1.	Asas pengiraan mengambil kira 6 orang tanggungan yang belum bekerja oleh ketua keluarga.

KEPERLUAN ASAS BULANAN MISKIN					
DALAM BANDAR			LUAR BANDAR		
1.	Rumah kediaman	- RM 100.00	1.	Rumah kediaman	- RM 50.00
2.	Makanan	- RM 200.00	2.	Makanan	- RM 200.00
3.	Pakaian	- RM 50.00	3.	Pakaian	- RM 50.00
4.	Pelajaran	- RM 50.00	4.	Pelajaran	- RM 50.00
5.	Perubatan	- RM 20.00	5.	Perubatan	- RM 20.00
	JUMLAH	= <u>RM 420.00</u>		JUMLAH	= <u>RM 370.00</u>

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Bantuan Tahunan sebelum Hari Raya Puasa	1.1. Wang tunai
2. Bantuan Pelajaran diberi kepada kanak-kanak yang ibu-bapanya atau penjaganya termasuk asnaf miskin	2.1. Yuran sekolah rendah 2.2. Bayaran peperiksaan PMR, SPM, STPM, SRA, SPA. 2.3. Bantuan pakaian dan peralatan sekolah
3. Bantuan Perniagaan	3.1. Modal Perniagaan (wang) 3.2. Tempat Perniagaan 3.3. Kemahiran seperti bengkel

Peringatan :

Orang yang tidak menepati ciri-ciri miskin seperti di atas tidak berhak menerima agihan asnaf ini.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AMIL

Takrif Amil :

- * Iaitu orang Islam yang dilantik oleh Raja untuk menjalankan tugas tugas pungutan dan pengagihan zakat *.

(Rujuk kitab *Bajuri juzuk 1*, muka surat 283)

AMIL	
CIRI-CIRI ORANG YANG BOLEH DILANTIK MENJADI AMIL	CIRI-CIRI ORANG YANG TIDAK BOLEH DILANTIK AMIL
1. Islam	1. Bukan Islam
2. Faham hukum Islam	2. Tidak faham hukum Islam
3. Mukallaf (baligh)	3. Belum Mukallaf (baligh)
4. Merdeka	4. Hamba
5. Adil (tidak melakukan dosa besar dan tidak kekal melakukan dosa kecil)	5. Fasik.(orang yang melakukan dosa besar atau kekal melakukan dosa kecil)
6. Mendengar	6. Tuli/ pekak
7. Melihat	7. Buta
8. Lelaki	8. Perempuan

(Rujuk *Kitab la'natut Talibin* juzuk ke 2, muka surat 190)

peringatan :

Pegawai dan kakitangan MAIS/JAIS yang bertugas di bahagian Baitulmal/Zakat. Kaunter Zakat dan Pejabat Agama Daerah yang ditugaskan menerima zakat hendaklah terdiri daripada orang lelaki yang dilantik sebagai amil (pemungut) sahaja.

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Peruntukan upal Amil zakat fitrah	1.1. Wang tunai
2. Peruntukan upah Amil zakat padi	2.1. Wang tunai
3. Peruntukan gaji kakitangan MAIS	3.1. Wang tunai
4. Peruntukan elaun perbaruan kakitangan MAIS (ZAKAT)	4.1. Wang tunai
5. Peruntukan elaun lebih masa kakitangan MAIS (ZAKAT)	5.1. Wang tunai
6. Peruntukan mencetak kupon-kupon dan resit zakat.	6.1. Bayar bil berkenaan / berkaitan
7. Peruntukan lujnah penerbitan MAIS (zakat)	7.1. Bayar bil berkenaan / berkaitan
8. Peruntukan latihan & kursus Amil dan kakitangan MAIS (zakat)	8.1. Wang tunai & bayar bil berkaitan
9. Peruntukan membeli peralatan pejabat (zakat)	9.1. Bayar bil berkenaan / berkaitan
10. Peruntukan pelbagai pengurusan MAIS (zakat)	10.1. Wang tunai & bayar bil berkaitan
11. Peruntukan pelbagai perbelanjaan Amil	11.1. Wang tunai & bayar bil berkaitan

Peringatan :

1. Kakitangan MAIS/JAIS yang telah di bayar gaji, tidak boleh menerima upah sebagai Amil jika ianya ditugaskan mengutip zakat-zakat padi, fitrah dan lain-lain.
(Rujuk *Al Fiqhu Islam Waadillatuhu*, juzuk ke 2, muka surat 867)
2. Ketentuan kadar peruntukan di atas terpulang kepada budi bicara Jawatankuasa Baitulmal (sebagai contohnya upah amil zakat termasuk amil zakat yang dikopratkan tidak semestinya dibayar 1/8 (1/7 di Selangor) daripada hasil pungutannya tetapi hendaklah ditolak belanja pengurusan dan lain-lain.
3. Asnaf amil ini hendaklah dibelanjakan untuk menampung 11 perkara yang tersebut di atas.
4. Pegawai MAIS (Zakat) perempuan tidak boleh dibayar gaji menggunakan peruntukan asnaf Amil, sebaliknya hendaklah dibayar menggunakan peruntukan Baitulmal.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF MUALLAF

Takrif Muallaf :

1. Iaitu mereka yang masuk Islam Imannya dhaif, maka diharapkan dengan pemberian agihan ini boleh menguatkan Imannya.
2. Mereka yang masuk Islam Imannya kuat tetapi dipandang mulia oleh kaumnya, maka diharapkan pemberian agihan ini kepadanya boleh menarik orang lain masuk Islam atau dengan agihan ini dapat mempertahankan kejahatan orang kafir disekelilingnya.

(Rujuk : *Iqnak*, muka surat 199 dan

Bajuri juzuk 1, muka surat 283).

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Pemberian galakan kepada orang baru masuk Islam	1.1. Wang tunai
2. Pemberian galakan kerana menghadiri kelas agama (untuk muallaf dewasa sahaja)	2.1. Wang tunai
3. Bantuan bulanan bagi tempoh tertentu	3.1. Wang tunai
4. Bantuan berkhatan (sekali sahaja)	4.1. Wang tunai bayar bil-bil berkahtan
5. Bantuan perkahwinan (hanya diberi kepada mereka yang hendak berkahwin dan perkahwinan itu adalah kali pertama setelah masuk Islam)	5.1. Wang tunai
6. Bantuan Hari Raya Puasa	6.1. Wang tunai
7. Bantuan Perniagaan Perusahaan	7.1. Wang tunai 7.2. Dibelikan alat keperluan
8. Pengurusan rumah tumpangan muallaf	8.1. Bayar bil yang berkaitan
9. Lawatan sambil belajar atau umrah sekali sahaja.	9.1. Wang tunai dan tiket kapal terbang
10. Ibadat Haji sekali sahaja	10.1. Wang tunai dan tiket kapal terbang
11. Majlis Silaturrahim atau perayaan hari kebesarab Islam	11.1. Peruntukan ini hanya boleh dibayar kepada majlis/ perayaan yang dianjurkan dan dihadiri oleh muallaf.
12. Bantuan kecemasan seperti kebakaran, banjir dan lain-lain	12.1. Wang tunai 12.2. Dibelikan barang-barang keperluan
13. Percetakan	13.1. Dibayar bil yang berkaitan
14. Pemberian galakan kepada muallaf yang dapat menarik orang bukan Islam memeluk agama Islam	14.1. Wang tunai

Peringatan :

1. Orang yang bukan dari kalangan muallaf tidak boleh menerima/ mengguna/ memakan agihan asnaf ini (contohnya orang yang bukan muallaf apabila menghadiri jamuan Majlis silaturrahim yang menggunakan peruntukan muallaf maka orang itu tidak boleh turut memakan jamuan tersebut kecuali disediakan peruntukan dari Baitulmal atau kerajaan atau lain-lain sumber).
2. Tempoh seseorang muallaf adalah bergantung kepada Penilaian Jawatankuasa Muallaf.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF GHARIM

Takrif Gharim :

laitu orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi menampung diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera dengan syarat :

- 1) Orang yang berhutang tidak mampu untuk menjelaskan hutangnya.
- 2) Hutang hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan oleh syarak atau dalam maksiat (tidak diharuskan syarak) tetapi telah bertaubat, dan
- 3) Hutang tersebut telah sampai tempohnya untuk dijelaskan.

(Rujuk : *Fiqhu Zakah* juzuk 2, muka surat 623-626)

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Bantuan kepada seseorang Islam untuk membayar hutangnya (termasuk semua jenis hutang)	1.1. Wang tunai atau dibayarjan bil-bil hutangnya
2. Bantuan kepada badan-badan kebajikan/ pertubuhan Islam yang berhutang kerana masalah am masyarakat Islam	2.1. Wang tunai atau dibayarkan bil-bil hutangnya
3. Bantuan kecemasan atau kemalangan seperti : (a) kebakaran (b) banjir (c) ribut dan (d) lain-lain	3.1. Wang tunai 3.2. Dibelikan barang-barang keperluan

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FISABILILLAH

Takrif Fisabilillah :

ia membawa erti tiap-tiap perbuatan/ perkara yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan syiar Islam.

(Rujuk : *Fiqhu Zakah* juzuk 2, muka surat 635-669)

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Eluan tahunan kepada pegawai dan AJK Masjid sebelum Hari Raya Puasa.	1.1. Wang tunai
2. Imbuan kepada Penolong Pendaftar Nikah, Imam Rawatib yang ebsara atau meninggal dunia.	2.1. Wang tunai kepada mereka yang bersara 2.2. Dibayar wang tunai kepada warisnya jika meninggal dunia
3. Elaun kepada : a. Guru Agama Dewasa b. Guru Al-Quran c. Guru Tahfiz Al-Quran d. Guru Agama bukan muallaf yang mengajar kelas muallaf. e. Guru/ Penceramah	3.1. Dibayar wang tunai pada : (a) Tiap-tiap bulan (b) Tiap-tiap bulan (c) tiap-tiap bulan (d) setiap kali mengajar (e) setiap kali berceramah
4. Kursus meningkatkan kecekapan pegawai dan AJK masjid seperti kursus pentadbiran & pengurusan qira'ah, pembacaan khutbah dan pengurusan junazah. (sementara menunggu peruntukan tahunan kerajaan dipohon	4.1. Bayar tambang pergi balik 4.2. Bayar gantian hilang pendapatan 4.3. Belanja makan minum semasa kursus dibayar kepada pembekal
5. Kursus penerapan nilia-nilai Islam seperti : a. ceramah umum seluruh Selangor b. kursus haji c. seminar dakwah	5.1. Bayaran jamuan kerana kursus tersebut, Jawatankuasa Fatwa hanya meluluskan untuk 1994 manakala 1995 dan seterusnya hendaklah memohon dari kerajaan bukan dari asnaf Fisabilillah manakala penceramah boleh dibayar seperti bil. (3).
6. Bantuan kepada pertubuhan Islam di Selangor seperti : a. Persatuan Pelajar-pelajar/ Mahasiswa Islam Pusat Pengajian Tinggi. b. Badan-badan dakwah c. Badan-badan Kebajikan Agama Islam.	6.1. Bantuan diberi berbentuk wang tunai atas nama badan/ persatuan/ pertubuhan

7. Peruntukan kepada Institut Dakwah Islamiah Sabak Bernam. (sementara menunggu peruntukan kerajaan dipohon).	7.1. Bantuan hanyadiberi kepada kursus bimbingan kerohanian dan kursus muballigha sahaja.
8. Bantuan kecemerlangan pelajar	8.1. Bantuan hanya diberi kepada pelajar cemerlang yang sedang belajar/ lepasan sekolah tajaan kerajaan Negeri/JAIS.
9. Bantuan kepada anak yatim	9.1. Bantuan wang tunai 9.2. Bantuan barang makanan 9.3. Bantuan yuran sekolah 9.4. Bantuan pakaian dan perlatan sekolah
10. Bantuan menguruskan jenazah tanpa waris.	10.1. Bantuan diberi secukupnya untuk menguruskan jenazah hingga dikebumikan.
11. Program Out-Reach MAIS/ JAIS untuk mendekati orang muallaf diperkampungan mereka	11.1. Bantuan yang diberi boleh menrangkumi keperluan makanan, minuman, risalah, kajian dan lain-lain.
12. Sebaran dakwah termasuk sebaran kepada orang yang belum memeluk agama Islam.	12.1. Bayar bil-bil tertentu
13. Imbuan kepada pendakwah bukan muallaf yang dapat menarik orang bukan Islam memeluk agama Islam.	13.1. Wang tunai
14. Bantuan umum kepada masjid kerana : a. membeli karpet, sejadah dan tikar, b. membeli kitab agama, c. membeli kelengkapan bilik khutub khanah Masjid	14.1. Wang tunai atau dibelikan barang keperluannya
15. Memberi bantuan untuk membeli perlatan Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI)	15.1. Wang tunai atau dibelikan barang keperluan
16. Bantuan pelajaran : a. dermasiswa kecil SAMR/ SAMT b. Dermasiswa Penuntut Dalam dan Luar Negeri c. Dermasiswa Pelajaran Dalam Negeri Selangor selain "a" dan "b".	16.1. Wang tunai atau dibelikan barang keperluannya.

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF IBNI SABIL

Takrif Ibni Sabil :

laitu orang Islam yang kehabisan belanja dalam perjalanan atau orang Islam yang hendak memulakan perjalanan tiada mempunyai belanja dengan syarat:

- (a) Mengembara dari Negeri tempat tinggalnya dan
- (b) Pengembaraannya diharuskan oleh syarak.

(Rujuk: ***Bughyah Mustarsyidin***, muka surat 105,

Majmuk juzuk 6, muka surat 214,

Fiqhu Zakah juzuk 2, muka surat 276.

Fiqhul Islam Waadilatuhu juzuk 2, muka surat 875 dan ***Iqnak juzuk 2***, muka surat 200).

JENIS-JENIS AGIHAN	CARA-CARA AGIHAN
1. Bantuan kerana hendak memulakan perjalanan (musafir)	1.1 Wang tunai atau waran tiket
2. Bantuan kepada orang yang keputusan perbelanjaan dalam perjalanannya (musafir)	2.1. Wang tunai atau waran tiket

* peringatan : Musafir kerana maksiat tidak harus dibantu.

BAHAN RUJUKAN

1. Al Quran,
2. **Kitab Fiqhul Islam Waadillatuh**,
Doktor Wahab Zuhaili - (Darul Fikri),
- Cetakan kedua tahun 1405/1985.
3. **Kitab Fiqhu Zakah**,
Doktor Yusof Qardhawi-(Darul Irsyad),
- Cetakan keenam 1401/1981.
4. **Kitab Iqnak**,
- Cetakan Darul Ahya'.
5. **Kitab Bajuri**,
- Cetakan Sulaiman Marei.
6. **Kitab la'natit Talibin**,
- Cetakan Sulaiman Marei.

7. **Bughyatul Mustarsyidin,**
8. **Kitab Majmuk,**
- Cetakan Darul Fikri.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada

- | | | | |
|----|-------------------|----|-------------------|
| 1. | 16 November 1993, | 2. | 15 Oisember 1993, |
| 3. | 16 Disember 1993, | 4. | 23 Disember 1993 |
| 5. | 12 Januari 1994 | | |

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL. EHSAN MENGENAI
TARIKAT NASABANDIYAH - HAJI KADIRUN YAHYA**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah menerima berkenaan dengan Tarikat Nasabandiyah - Kadirun Yahya

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli mesyuarat telah membincangkan dengan panjang lebar dalam perkara ini dengan merujuk beberapa buah buku yang telah ditulis oleh Prof. Haji Kadirun Yahya sendiri.

Hasil dari perbincangan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mendapati bahawa terdapat beberapa kesalahan dalam tariqat dan pendapat dalam buku yang dikarang oleh beliau adalah seperti berikut :

**KESALAHAN DALAM TARIQAT NAHSYABANDIAH
KADIRUN YAHYA DAN BUKU YANG DITULIS OLEH BELIAU**

1. Konsep Nur diertikan dengan "Nur Illahi berdampingan dengan Nur Muhammad" (muka 17 sekuntum bunga di Taman Firdaus oleh Prof Hj. Kadirun Yahya) memberi erti ayat 35 Surah An-Nur "Nur Illahi berdampingan Nur Muhammad, itulah diberikannya kepada manusia yang dikehendaknya".
Dalam bukunya (Israk Mikraj Rasulullah - Prof. Hj. Kadirun Yahya m.s. 14, 1985) konsep ini bererti bahawa Allah mempunyai Nur. Nur ini disalurkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.
Konsep ini dipetik dari ayat 35, Surah An-Nur yang diertikan - "Nur berdampingan dengan Nur, Allah menunjuki siapa yang dikehendaki kepada Nur Nya itu".

"Nur ini adalah berfungsi sebagai wasilah (alat perantara) antara manusia dengan Allah. Alat ini ditanam ke dalam diri rohani para Rasul yang disucikan. Kita hadapkan fokus kepada roh Rasulullah.

ULASAN

Dari penafsiran beliau itu. adalah bercanggah dan menyalahi dengan penafsiran ahli Mufassirin, antaranya :

2. **Menggabungkan roh untuk mendapat wasilah kepada Rasulullah dan terus kepada Allah**

" Kita menggabungkan roh kita dengan roh Rasulullah sendiri. barulah ada kemungkinan kita dapat wasilah yang dimiliki yang dipakai oleh Rasulullah untuk menajat atau untuk berkomunikasi ke hadrat Allah S.W.T. (Israk Mikraj Rasulullah. Prof. Dr. Kadirun Yahya, m.s.15. 1985)

ULASAN

Dari segi ilmu Tauhid penggabungan itu adalah syarikat atau kongsi, bermakna kita berkongsi dan bersyariat dalam munajat ke hadrat Allah, ini adalah berlawanan dengan akidah dan peribadatan, juga bertentangan dengan firman Allah S.W.T. (110 Al-Kahfi)

Maka barangsiapa percaya dan berharap akan pertemuan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih dan janganlah ia mempersekutukan (gabungkan) sesiapa pun dalam ibadahnya kepada Tuhannya.

Dalam ayat 65 Surah Az-Zumar :

Sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada mereka yang sebelum mu, (bahawa) jika engkau menyekutukan, nescaya gugur amalmu dan jadilah engkau orang-orang yang rugi.

Dalam Hadith Qudsi, Allah S.W.T. menanggalkan amalan atau ibadah yang dipersekutukan.

Aku terkaya dari segala sekutu, barangsiapa mengerjakan amal yang ia sekutukan padanya akan yang lain daripadaku, Aku tinggalkan ia bersama sekutunya.

3. **SOLAT YANG KHUSYUK**

Untuk menegakkan solat yang khusyuk harus lebih dahulu kita menggabungkan diri kita dengan diri rohani Rasulullah S.A.W. yang suci bersih yang mempunyai frekuensi tak terhingga; maka rohani kita akan ikut bergetar, ikut tasbih, ikut berzikir, ikut frekuensi tak terhingga dan akhirnya akan disucikan oleh roh Rasulullah S.A.W. sesuai dengan maksud ayat Surah An Nur.

Jika roh kita telah suci setelah" bergabung dengan roh Muhammad S.A.W. barulah kita berzikir dalam frekuensi tak terhingga, maka sesudah itu barulah tiba saatnya untuk mendirikan solat dan meyebut "Allahuakbar" dalam solat yang khusyuk, sesuai dengan ayat 15 Surau Al-A'la yang bernaksud "Zikirlah akan Tuhanmu dan tegakkanlah solat" (Prof Dr. Kadirun Yahya Cipita Selecta Jilid II halaman 58 dan 59).

ULASAN

Cara menyebut di atas itu, adalah berlawanan dengan apa yang telah diajar oleh Baginda S.A.W. pada seorang lelaki yang tidak betul mendirikan sembahyang (tidak ada menyebutkan supaya menggabungkan rohani sebelum bertakbir) pada Hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah R.A. :

Bahawasanya Nabi S.A.W. masuk ke dalam masjid maka masuk pula seorang lelaki (Badwi namanya Khalad bin Rafi'azzarqi) lalu bersembahyang kemudian ia datang kepada Rasulullah dan mengucapkan salam, lalu dijawab oleh Nabi maka bersabdalah ia : baliklah engkau maka bersembahyanglah kerana bahawasanya engkau tiada sembahyang, kemudian maka ia, sembahyang setelah itu ia datang maka ia mengucapkan salam kepada Nabi lalu baginda bersabda : baliklah engkau, kemudian maka sembahyang, kerana bahawasanya engkau tiada sembahyang sebanyak 3 kali maka berkata ia (lelaki itu) demi Tuhan yang mengutus engkau dengan benar untuk menjadi Nabi, maka tiadalah aku memperelok akan yang lain, maka ajarkanlah aku, baginda bersabda apabila engkau bangun kepada sembahyang maka takbirlah (tak ada pun sebut tentang rohani) kemudian bacalah apa yang mudah kepada engkau daripada ayat-ayat Al-Quran, kemudian ruku'lah hingga tetaplah engkau dalam keadaan ruku', kemudian itu angkatlah hingga engkau iktidal dalam keadaan berdiri, kemudian sujudlah, kemudian bangkitlah hingga tetaplah engka dalam keadaan engkau

duduk, kemudian sujudlah hingga tetaplah engkau bersujud, kemudian itu perbuat engkau akan yang demikian di lain-lain sembahyang engkau semuanya.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Ramadhan 1413 Hijrah bersamaan 16 March 1993